

Media: Berita Harian

Date: 11 Dec 2021



IA merupakan satu pencapaian hebat bagi Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) untuk menerima Anugerah "Pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia Terbaik" di bawah Kategori Industri Besar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), semasa Persidangan Halal Kebangsaan 2021. Persidangan tersebut telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri.

Anugerah

berkenaan telah disampaikan kepada Ketua Pegawai Pengeluaran AMB, Azhan Mohamed oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YSenator Tuan Haji Idris Haji Ahmad pada 23 November 2021.

AMB telah wujud semenjak tahun 1961, dengan operasi perniagaan pertamanya sebagai pengeluar tunggal Aji-NO-MOTO Monosodium Glutamat (MSG) di Malaysia. Ini membuatkan AMB

## JAKIM MENGANUGERAHKAN SYARIKAT **AJINOMOTO** "PEMEGANG SIJIL PENGESAHAN **HALAL MALAYSIA TERBAIK**"

memperoleh reputasi sebagai salah satu syarikat Jepun yang pertama di negara ini.

Pada tahun 1965, AMB telah dianugerahkan pensijilan Halal, berikutan permulaan operasi kilang "AJI-NO-MOTO". Syarikat Ajinomoto telah berkembang menjadi pengeluar makanan dan perasa yang dinamik, dengan menawarkan pelbagai jenama yang dipercayai oleh rakyat Malaysia di seluruh negara selama beberapa dekad.

Sebagai jenama yang terkenal, AMB sentiasa komited sepenuhnya dalam mematuhi Piawaian Pensijilan Halal Malaysia bagi memenuhi

keperluan pasaran tempatan dan eksport.

Pemindahan kilang baharu ke Hab Halal di Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada tahun hadapan akan terus mempromosikan kekuatan AMB sebagai syarikat makanan halal yang dipercayai serta digemari oleh semua pihak berkepentingan di seluruh pasaran tempatan dan luar negara, termasuk Timur Tengah.